

29 AUG 1998

Mahathir-NAM

DR MAHATHIR TIDAK HADIRI SIDANG KEMUNCAK NAM

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan bahawa beliau tidak akan menghadiri sidang kemuncak Pergerakan Berkecuali (NAM) ke-12 di Durban, Afrika Selatan.

"Banyak perkara yang perlu saya lakukan...Saya penat, saya letih," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan penutupan seminar mengenai Perkhidmatan dan Produk Kewangan Islam di sini.

Perdana Menteri berkata beliau penat kerana sejak kebelakangan ini beliau telah menjelajah ke seluruh negara.

Beliau berkata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mewakilinya dan membacakan ucapannya.

Dr Mahathir berkata tujuan utama beliau ingin menghadiri mesyuarat itu adalah untuk menemui para pemimpin lain.

"Saya kesal kerana tidak dapat pergi," katanya.

Mengenai khabar angin bahawa beliau akan memanggil satu mesyuarat tergepar kabinet, Dr Mahathir berkata: "Pada masa ini ia adalah tidak benar."

"Sudah tentu anggota kabinet harus dapat dihubungi pada setiap masa sekiranya kita ada perkara penting yang hendak dibincangkan," katanya.

Ketika ditanya mengenai perlunya diadakan mesyuarat tergepar kabinet, Dr Mahathir berkata: "Tidak, tidak begitu mendesak, tetapi kita tidak tahu apa yang akan berlaku kerana ekonomi dunia nampaknya sudah ranap.

"Pengacau kepada negara ini harus berada di sini untuk menguruskan negara ini," katanya sambil merujuk kepada dirinya sendiri yang dianggap oleh spekulator matawang Amerika George Soros sebagai pengacau kepada Malaysia.

-- BERNAMA

ARA AKD